

11/01/2003

Kerajaan Terengganu mahu jumpa PM

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Pas Terengganu mahu berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk merundingkan keputusan Kementerian Pembangunan Usahawan menutup Maktab Rendah Sains Mara Yayasan Terengganu (MRSM-YT) di Dungun dan Besut,

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, Datuk Mustafa Ali, berkata demi kepentingan pendidikan, kerajaan negeri mengambil keputusan meneruskan rundingan biarpun tanpa persetujuan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

"Demi kepentingan pendidikan, saya sanggup berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," kata beliau yang ditugaskan Kerajaan Pas Terengganu untuk menangani isu itu.